

Ucapan Perasmian

YANG BERBAHAGIA

DATO' IR. DR. MEOR ABDUL AZIZ BIN OSMAN

PENGERUSI CIDB MALAYSIA

Sempena

**SAFETY AND HEALTH ASSESSMENT SYSTEM IN CONSTRUCTION
(SHASSIC) DAY 2020**

DAN

MAJLIS PELANCARAN STANDARD INDUSTRI PEMBINAAN

CIS 27:2019

PUSAT KONVENSYEN CIDB MALAYSIA

25 Februari 2020 (Selasa)

[Salutations to be provided on event day]

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarrakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.

1. Saya berasa amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama hadir di **SHASSIC Day 2020 dan Majlis Pelancaran Standard Industri Pembinaan CIS 27:2019** di Pusat Konvensyen CIDB pada hari ini.

2. Majlis SHASSIC Day ini adalah yang julung kali dianjurkan oleh CIDB Malaysia bagi mengiktiraf penggiat industri yang telah mencapai prestasi tinggi di dalam penilaian *Safety and Health Assessment System in Construction* (SHASSIC). Di dalam majlis yang sama, kita juga akan menyaksikan pelancaran CIS 27:2019, satu pencapaian yang amat penting dalam usaha untuk memperkasakan ekosistem keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

GAMBARAN AMALAN KESELAMATAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

3. Tidak dapat dinafikan, pembinaan merupakan aktiviti ekonomi yang sangat penting sebagai pemangkin pembangunan ekonomi sesebuah negara. Namun, aktiviti pembinaan bangunan dan infrastruktur merupakan aktiviti yang berisiko tinggi. Antara risiko tertinggi yang dihadapi oleh pekerja di tapak bina termasuk jatuh dari tempat yang tinggi, terjatuh disebabkan permukaan yang tidak rata dan halangan atau hazard seperti bahan binaan atau pekakas yang tidak disimpan dengan betul ataupun lubang dan gaung yang tidak ditutup, terkena kejutan elektrik, terkena objek-objek yang jatuh dari tempat tinggi dan badan dihempap oleh hazard seperti jentera, tebing atau bahan serta struktur binaan yang tumbang atau runtuh. Inilah risiko yang saban hari dihadapi oleh pekerja binaan. Jika risiko kesihatan dan keselamatan di tapak bina tidak diurus dan dikawal dengan sebaiknya, ia boleh menyebabkan statistik kemalangan yang tinggi.

4. Mengikut Statistik Kemalangan Pekerjaan Negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP), pada tahun 2018 industri pembinaan telah merekodkan sebanyak 3,911 kemalangan dan melibatkan 169 kematian. Kadar kematian adalah 13.44 iaitu 13.44 kematian untuk setiap 100,000 pekerja pembinaan. Kadar kematian pekerja di dalam industri pembinaan adalah tertinggi berbanding industri lain di dalam negara ini. Jika dibandingkan dengan negara-negara maju, kadar kematian pekerja di dalam industri pembinaan adalah terlalu tinggi. Di Singapura, kadar kematian pekerja di dalam industri pembinaan adalah kurang dari 3

bagi setiap 100,000 pekerja, Australia mencatatkan 2 kematian bagi setiap 100,000, manakala United Kingdom mencatatkan 1.31 kematian setiap 100,000 pekerja, pada tahun 2019.

5. Usaha menyelamatkan lebih ramai nyawa pekerja dan sekaligus mengubah statistik ini tidak terletak di bawah satu pihak atau agensi, dan tiada satu jawapan yang boleh menyelesaikan semua masalah -- “There is no magic pill”. Pelbagai pihak berkuasa, klien atau pemilik projek, perunding, majikan serta pekerja sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan persekitaran tapak pembinaan yang selamat dan sihat. Kesemua risiko yang saya sebutkan tadi dapat dielak apabila sesebuah tapak pembinaan itu diuruskan mengikut undang-undang, peraturan, garis panduan serta amalan terbaik di dalam Keselamatan dan Kesihatan (OSH) di tapak bina.

8. Oleh yang demikian, majlis yang dianjurkan pada hari ini adalah tepat pada masanya. Berita mengenai syarikat kontraktor yang gagal memastikan keselamatan di tapak bina kerap kita baca di akhbar, namun syarikat-syarikat yang bertanggungjawab dan komited dalam memastikan keselamatan di tapak bina, jarang sekali diraikan. Oleh itu CIDB mewujudkan SHASSIC Day bagi mengiktiraf syarikat-syarikat kontraktor yang cemerlang di dalam penilaian keselamatan dan kesihatan di tapak bina pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PENCAPAIAN SHASSIC

9. Saya amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa pada tahun 2019, jumlah kontraktor yang tampil untuk mendapatkan penilaian SHASSIC di tapak bina meningkat kepada 352 projek, iaitu tiga kali ganda berbanding hanya 113 pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa kesedaran mengenai betapa pentingnya pengurusan OSH di tapak bina semakin meningkat dikalangan penggiat industri pembinaan.

10. Pada hari ini sebanyak 40 kontraktor akan menerima pengiktirafan di atas kejayaan mereka mencapai taraf 5 bintang dalam penilaian SHASSIC. Saya difahamkan bahawa kontraktor-kontraktor ini telah berjaya mencapai skor peratusan (%) antara 85 hingga 100 di dalam penilaian OSH di tapak projek pembinaan yang dilaksanakan oleh mereka. Terdapat juga beberapa kontraktor yang mendapat taraf 5 bintang penilaian SHASSIC untuk beberapa projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Syabas dan tahniah diucapkan! Saya berharap, di masa akan datang lebih ramai lagi kontraktor yang tampil mendapatkan penilaian SHASSIC dan jumlah yang akan dinobatkan sebagai penerima Skor SHASSIC 5 bintang juga akan bertambah.

11. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua klien atau pemilik, serta perlaksana projek-projek kerajaan mahupun swasta untuk meletakkan keperluan penilaian SHASSIC di dalam projek pembinaan mereka. Malah, pemilik projek juga boleh mengambil kira prestasi SHASSIC syarikat kontraktor sebagai salah satu kriteria di dalam penilaian pemberian tender kerja pembinaan. Jika aspek serta prestasi OSH diberi perhatian dan keutamaan di dalam pemberian tender, maka sudah tentunya ia akan menjadi pemangkin bagi semua penggiat industri yang terlibat untuk mempertingkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan di tapak bina.

Para hadirin sekalian,

PELANCARAN CIS 27:2019

12. Selain daripada penilaian SHASSIC, pelaksanaan OSH di tapak bina dapat diperkukuhkan lagi dengan penggunaan **Standard Industri Pembinaan (CIS) 27:2019, Occupational Safety And Health – Specification And Bill Of Quantities (BQ) For Construction Works** yang akan dilancarkan pada hari ini.

13. Seperti yang para penggiat industri sedia maklum, keberkesanan OSH di tapak bina dipengaruhi banyak faktor. Salah satu faktor yang paling penting adalah

peruntukan kewangan yang mencukupi bagi menyediakan keperluan OSH di setiap peringkat pembinaan yang digariskan di dalam sesebuah dokumen tender. Dokumen standard CIS 27:2019 ini memperincikan keperluan OSH yang mencukupi, dan perlu diambil kira di dalam meletakkan kos pelaksanaan sesuatu projek. Ini dapat memastikan sesuatu projek mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi menguruskan OSH di tapak bina. Jika peruntukan OSH ini **tidak** diletakkan di dalam *Bill of Quantities (BQ)*, maka syarikat-syarikat yang meletakkan kos pelaksanaan OSH sememangnya akan kalah di dalam tender kerana harga yang mereka tawarkan akan lebih tinggi berbanding syarikat yang tidak meletakkan kos pelaksanaan OSH semasa membida tender sesuatu projek.

13. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, CIS 27:2019 ini boleh digunapakai oleh pihak klien atau pemilik projek sebagai rujukan untuk meletakkan peruntukkan khas bagi pelaksanaan OSH di dalam projek mereka. Ini bagi memastikan semua kontraktor yang melaksanakan projek pembinaan mempunyai peruntukan yang cukup bagi pelaksanaan OSH di tapak bina, mematuhi keperluan undang-undang dan amalan baik dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemalangan di tapak bina.

14. Saya percaya pelaksanaan SHASSIC dan penggunaan CIS 27:2019 ini dalam jangka masa panjang akan dapat menerapkan budaya kualiti, keselamatan dan profesionalisme di dalam industri pembinaan, selaras dengan aspirasi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP).

Para hadirin sekalian,

PENUTUP

19. Pengiktirafan SHASSIC dan Pelancaran CIS 27:2019 ini merupakan sebahagian daripada usaha CIDB dalam meningkatkan prestasi OSH di tapak bina. Namun terdapat banyak lagi inisiatif yang sedang dijalankan dengan usahasama pelbagai

pihak, terutama sekali JKPP ke arah ini. Di samping itu, penggiat industri juga perlu mempunyai *mindset* bahawa kemalangan, kecederaan dan kematian di tapak bina boleh dielakkan serta kemalangan sifar boleh dicapai. Dengan mindset ini dan komitmen untuk mencari penyelesaian kepada isu-isu OSH, persekitaran yang sihat dan selamat di tapak bina dapat dicapai.

18. Akhir kata, saya menggesa semua pihak yang berkepentingan dengan industri pembinaan ini memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan di dalam industri ini, sekaligus mengurangkan statistik kemalangan dan kematian di tapak bina. Kejayaan ini hanya akan dapat dicapai dengan kerjasama erat di antara semua pihak, selaras dengan slogan CITP – Bersama Memacu Kecemerlangan Pembinaan.

19. Sekali lagi, tahniah kepada semua syarikat yang diiktiraf dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan CIS 27:2019 ini. Dengan ini saya dengan rasminya melancarkan **SHASSIC Day 2020** dan **Standard Industri Pembinaan (CIS) 27:2019, Occupational Safety And Health – Specification And Bill Of Quantities (BQ) for Construction Works.**

Sekian, terima kasih.

#####